

Terma dan Syarat Promosi Spin & Win Perak

1. Promosi 'Spin&Win' ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Penganjur Program Spin&Win (Perak) ("Penganjur").
2. Promosi bermula pada 15 September 2019 dan berakhir pada 15 Disember 2019.
3. Promosi ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada 15 September 2019.
4. Kakitangan Penganjur termasuk syarikat induk atau gabungan, anak syarikat, pengedar, wakil jualan, peruncit dan agensi pengiklanan, promosi dan semua agensi perkhidmatan yang lain dan pembekal yang terlibat dengan promosi ini, serta ahli-ahli keluarga mereka yang terdekat (pasangan, ibu bapa, anak-anak, adik-beradik dan pasangan masing-masing, tidak kira di mana mereka tinggal) adalah tidak layak untuk mengambil bahagian atau menang.
5. Promosi ini hanya ditawarkan di stesen – stesen Caltex di negeri Perak.
6. Untuk layak menyertai promosi ini, pelanggan perlu membuat pembelian minima petrol RM40 atau diesel RM80 dalam satu resit pada hari yang sama.
7. Hadiah yang ditawarkan adalah barangan premium Caltex dan voucher KFC bernilai RM10.
8. Pelanggan yang menyertai hendaklah menyerahkan resit asal.
9. Tarikh keluaran yang dipamerkan di resit asal hendaklah di dalam tempoh promosi.
10. Seorang pemenang layak memenangi satu hadiah sahaja.
11. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau hadiah yang lain.
12. Pihak Penganjur berhak meminda terma dan syarat peraduan ini pada bila-bila masa, tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
13. Pihak Penganjur juga berhak membatalkan penyertaan jika mengesyaki pelanggan memalsukan sebarang bentuk penyertaan pada bila-bila masa tanpa notis.
14. Dengan menyertai promosi ini, pelanggan telah bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menyimpan dan menggunakan maklumat peribadi yang diberikan untuk tujuan promosi ini serta promosi yang akan datang.
15. Keputusan adalah muktamad.
16. Chevron Malaysia Limited, syarikat bersekutu, syarikat induk, anak-anak syarikat, agensi pengiklanan dan promosi, dan semua pegawai, pengarah, kakitangan, wakil dan ejen masing-masing tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti di atas sebarang kecederaan atau kejadian yang tidak diingini atau kerosakan terhadap harta disebabkan penggunaan hadiah. Chevron tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun jika sebarang aduan, pertikaian, kerosakan atau kecacatan berlaku ke atas mana-mana hadiah.
17. Untuk pertanyaan lanjut, sila email ke perakspinandwin@gmail.com.